



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

AKAUN SATELIT SUKAN 2024

Industri sukan berkembang 7.8 peratus, menjana RM24.1 bilion pada tahun 2024

PUTRAJAYA, 30 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan Akaun Satelit Sukan 2024 yang membentangkan statistik utama industri sukan serta sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pada tahun 2024, Nilai Ditambah Kasar Industri Sukan (NDKIS) berjumlah RM24.1 bilion, mencatat pertumbuhan 7.8 peratus berbanding 7.7 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh Perkhidmatan sukan (kecuali borong dan runcit) yang berkembang 6.7 peratus berbanding 11.5 peratus pada tahun 2023.

Sehubungan itu, NDKIS menyumbang 1.3 peratus kepada KDNK pada tahun 2024. NDKIS didominasi oleh Perkhidmatan sukan (kecuali borong dan runcit) dengan sumbangan sebanyak 41.7 peratus daripada keseluruhan NDKIS. Ini diikuti oleh Borong dan runcit sukan sebanyak 32.0 peratus, Pembuatan produk sukan 24.2 peratus dan Pembinaan fasiliti sukan 2.1 peratus."

Beliau menambah, "Eksport produk sukan berjumlah RM10.3 bilion pada tahun 2024 bersamaan 0.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Barangan sukan kekal sebagai penyumbang terbesar dengan sumbangan sebanyak 91.4 peratus daripada keseluruhan eksport produk sukan, manakala baki 8.6 peratus terdiri daripada perkhidmatan sukan. Sementara itu, import produk sukan meningkat kepada RM7.2 bilion pada tahun 2024 mewakili 0.6 peratus daripada jumlah import Malaysia. Import produk sukan didominasi oleh barangan sukan yang menyumbang 94.8 peratus, dan selebihnya perkhidmatan sukan sebanyak 5.2 peratus. Oleh itu, eksport bersih produk sukan berjumlah RM3.1 bilion pada tahun 2024 berbanding RM4.7 bilion yang direkodkan pada tahun 2023."

Selain itu, industri sukan merekodkan seramai 198.4 ribu orang pada tahun 2024, dengan sumbangan 1.2 peratus kepada keseluruhan guna tenaga di Malaysia. Perkhidmatan sukan (kecuali borong dan runcit) merekodkan sumbangan terbesar

guna tenaga industri sukan sebanyak 40.8 peratus, diikuti oleh Pembuatan sukan 30.0 peratus, Borong dan runcit sukan 28.3 peratus dan Pembinaan fasiliti sukan 0.9 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 JUN 2026**

Paparan 1: Penemuan Utama Akaun Satelit Sukan 2024



Carta 1: Nilai Ditambah Kasar Industri Sukan (NDKIS)





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SPORT SATELLITE ACCOUNT 2024

Sport industry grew at 7.8 per cent, generated RM24.1 billion in 2024

PUTRAJAYA, 30th JUN 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the Sport Satellite Account 2024 presenting a key statistics on sport industry and contribution to Gross Domestic Product (GDP).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "In 2024, the Gross Value Added of Sport Industry (GVASI) amounted to RM24.1 billion, registering a growth of 7.8 per cent compared to 7.7 per cent in the preceding year. The increase was attributed to the Services sport (exclude wholesale and retail) which grew by 6.7 per cent as compared to 11.5 per cent in 2023.

Hence, GVASI accounted for 1.3 per cent of GDP in 2024. GVASI was dominated by the Services sport (exclude wholesale and retail) with the share of 41.7 per cent of total GVASI. This was followed by the Wholesale and retail sport at 32.0 per cent, Manufacturing of sport products 24.2 per cent and Construction of sport facilities 2.1 per cent."

He added, "Exports of sport products amounted to RM10.3 billion in 2024 accounting for 0.8 per cent of Malaysia's total exports. Sport goods remained the largest contributor accounted for 91.4 per cent of overall sport product exports while the remaining share of 8.6 per cent was sport services. Meanwhile, imports of sport products increased to RM7.2 billion in 2024 representing 0.6 per cent of Malaysia's total imports. Imports of sport products were dominated by sport goods, which accounted for 94.8 per cent, while sport services contributed the remaining 5.2 per cent. Therefore, net exports of sport products stood at RM3.1 billion in 2024 compared to RM4.7 billion recorded in 2023."

In addition, the sport industry recorded a total of 198.4 thousand persons in 2024 with a share of 1.2 per cent of Malaysia's employment. The Services sport (exclude wholesale and retail) recorded the largest share of sport employment at 40.8 per cent followed by the Manufacturing sport 30.0 per cent, Wholesale and retail sport 28.3 per cent and Construction of sport facilities 0.9 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 JUNE 2026

Exhibit 1: Main Findings of the Sport Satellite Account 2024




Chart 1: Gross Value Added of Sport Industry (GVASI)

